



Berita Harian
26/01/2012
Page: 2
Section: Varsiti
Region: Malaysia Circulation: 160597
Type: Malaysia - Malay Newspapers
Size: 312.00 sq.cms
Frequency: MTWTFS

Perpustakaan UPNM abadikan nama Jeneral Tun Ibrahim

Oleh Azmi Abdul Malek
bhvarsiti@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Jasa dan bakti yang ditaburkan Allahyarham Jeneral Tun Ibrahim Datuk Ismail dalam angkatan tentera negara kini diabadikan di Perpustakaan Jeneral Tun Ibrahim Ismail, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Kem Perdana Sungai Besi, di sini, baru-baru ini.

Pengabadian nama beliau di perpustakaan UPNM dilakukan Menteri Pertahanan, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Dr Ahmad Zahid berkata, liku-liku perjalanan hidup Tun Ibrahim dalam mendaulatkan negara termasuk membantu dalam perjuangan mencapai kemerdekaan dan mempertahankan negara daripada ancaman komunis sukar dicari ganti.

"Allahyarham pernah berkhidmat di bawah tiga Perdana Menteri iaitu Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Tun Abdul Razak Hussein dan Tun Hussein Onn. Selaku Ketua Turus Angkatan Tentera Malaysia senario ini membolehkan Allahyarham turut berperanan sebagai arkitek ke arah pemodenan Angkatan Tentera Malaysia.

"Lantaran kehebatan yang dimiliki pahlawan Melayu ini dan sejarah panjang yang dilaluinya, saya merasa cukup gembira untuk hadir bagi merasmikan bangunan Perpustakaan atas nama Jeneral Tun Ibrahim," katanya ketika berucap merasmikan majlis Penjenamaan Perpustakaan Tun Ibrahim UPNM di Kem Tentera Sungai Besi, baru-baru ini.

Tetamu yang turut hadir dalam majlis itu ialah Naib Canselor, UPNM, Datuk Wira Allatif Mohd Noor.

Ibrahim terbabit dalam banyak peristiwa genting dan penting sejak menyertai Kadet Pasukan Tentera Johor pada 1941 sehingga bersara sebagai Ketua Turus Angkatan Tentera Malaysia pada 1 Disember 1977.

Antara peristiwa yang pernah beliau saksi dan harungi ialah ketika Tanah Melayu di bawah pemerintahan Jepun, Pentadbiran Tentera British (BMA), Pemerintahan Malayan Union, tempoh masa ke arah penubuhan Persekutuan Tanah Melayu dan Darurat dari 1948 hingga 1960.

Sebagai pegawai kanan tentera, Ibrahim turut terjebak dalam Konfron-

tasi dengan pihak Indonesia dari 1964 hingga 1968, serta menangani rusuhan kaum yang tercetus pada 13 Mei 1969.

Selain itu, Ibrahim pernah berkhidmat dengan Tentera Negara India sebelum secara sukarela menyertai Pasukan Force 136. Beliau juga pernah ditawan Tentera Jepun dan bertindak sebagai ejen perisikan bagi pihak Tentera Berikat.

Pengalaman beliau direkodkan melalui bukunya Sudahkah Kamu Bertemu Mariam?, selain buku bertajuk Ibrahim Pahlawan Melayu.

Dr Ahmad Zahid berkata, Ibrahim yang juga penerima pertama Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Pengajian Strategik) UPNM ketika Konvokesyen Pertama UPNM pada 2010 diharapkan dapat menjadi contoh terbaik kepada pelajar UPNM.

"Saya berharap perjuangan Ibrahim menjadi sumber inspirasi kepada graduan dan pegawai muda yang bakal dilahirkan UPNM.

"Sehubungan itu amatlah wajar dan tepat sekali nama Tun Ibrahim Ismail diabadikan melalui Perpustakaan Jeneral Tun Ibrahim di UPNM," katanya.



DR AHMAD ZAHID bergambar kenangan bersama ahli keluarga terdekat Ibrahim selepas majlis perasmian Perpustakaan Jeneral Tun Ibrahim di UPNM, Kem Perdana, Sungai Besi, Kuala Lumpur, baru-baru ini.